

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
25 Februari 2026

SD Guthrie Catat Untung Bersih RM2.5 bilion, Tertinggi Dalam Sejarah

- *Prestasi kukuh didorong momentum operasi dan portfolio strategik baharu*
- *Isytihar dividen akhir sebanyak 10.35 sen bagi tahun kewangan 2025*

Petaling Jaya, 25 Februari 2026 – SD Guthrie Berhad (Guthrie atau Kumpulan) mencatat keuntungan bersih tertinggi dalam sejarahnya sebanyak RM2.5 bilion bagi tahun kewangan berakhir Disember 2025 (FY2025), iaitu peningkatan sebanyak 16% berbanding tahun sebelumnya (FY2024). Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2025 (4Q FY2025), Kumpulan merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM496 juta.

Prestasi kukuh ini dipacu hasil sumbangan yang lebih baik daripada segmen Huluannya serta Pembangunan Perindustrian yang merupakan segmen perniagaan baharu Kumpulan. Perniagaan Hulu Kumpulan menyumbang RM3.6 bilion kepada keuntungan sebelum faedah dan cukai (PBIT), disokong oleh peningkatan prestasi yang memberangsangkan dalam semua faktor-faktor operasi utama segmen tersebut. Pengeluaran tandan buah segar (FFB) meningkat 1% dari tahun ke tahun (YoY), manakala harga purata direalisasikan bagi minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit (PK) masing-masing meningkat 4% dan 33% YoY kepada RM4,254 dan RM3,219 bagi setiap tan metrik.

Segmen Pembangunan Perindustrian menyumbang RM430 juta kepada PBIT FY2025, hasil keuntungan jualan tanah kepada syarikat usahasama tiga pihak.

Bagi FY2025, segmen Hiliran iaitu SD Guthrie International (SDGI), mencatat PBIT sebanyak RM484 juta, selepas melalui tahun yang mencabar berikutan penurunan permintaan produk yang menjejaskan prestasi globalnya. Walau bagaimanapun, prestasi lebih baik yang dicapai oleh operasi produk terbeza SDGI di rantau Asia Pasifik, telah menghasilkan keuntungan lebih tinggi yang mengimbangi sebahagian daripada impak penurunan jumlah jualan.

Sorotan Utama

	4Q FY2025	4Q FY2024	YoY +/(–)	FY2025	FY2024	YoY +/(–)
Hasil (RM juta)	5,498	5,257	5%	20,895	19,831	5%
PBIT (RM juta)	707	1,102	(36)%	3,593	3,258	10%
Untung Bersih (RM juta)	496	772	(36)%	2,503	2,164	16%
Harga MSM Direalisasikan (RM/ MT)	4,156	4,477	(7)%	4,254	4,101	4%
Pengeluaran FFB (juta MT)	2.29	2.31	(1)%	8.88	8.77	1%
Kadar Perahan Minyak (OER) (%)	21.26	21.01	0.25	21.18	20.97	0.21

Pengerusi, Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani berkata:

“Prestasi kukuh Guthrie pada tahun 2025 memperlihatkan peningkatan berterusan perniagaan teras Huluian serta potensi menarik bagi segmen pembangunan perindustrian baharu kami. Ini adalah satu pencapaian yang sangat memberangsangkan bagi kami dalam meneruskan prestasi mampan untuk tahun 2026 di mana pelbagai portfolio perniagaan Guthrie akan terus berkembang. Prestasi Kumpulan ini juga mencerminkan tumpuan berterusan terhadap pelaksanaan strategi secara berdisiplin oleh pihak pengurusan dan warga kerja kami yang komited.”

Pengarah Urusan Kumpulan, Mohd Haris Mohd Arshad berkata:

“Prestasi cemerlang pada tahun kewangan 2025 membuktikan dedikasi seluruh warga kerja kami dalam memberi tumpuan kepada kecemerlangan operasi serta penerokaan peluang pertumbuhan, sambil kami menapak ke dalam bidang pertumbuhan strategik yang baharu.

Menuju ke hadapan, usaha untuk memperkemas dan mengintegrasikan rantai nilai kami ke dalam model operasi yang lebih bersepadu akan meningkatkan sinergi, menambah baik kecekapan, serta meletakkan Guthrie pada kedudukan yang lebih kukuh untuk berkembang dengan lebih berkesan. Ini akan menjadi pemangkin utama dalam mempercepatkan pertumbuhan perniagaan baharu, di samping mengekalkan momentum operasi perniagaan teras kami.”

PROSPEK FY2026:

Harga MSM dijangka stabil dalam tempoh terdekat, dengan faktor struktur yang menyokong kestabilan pasaran. Walaupun paras inventori yang tinggi dan penangguhan mandat biodiesel B50 Indonesia mungkin memberi sedikit tekanan, pertumbuhan bekalan yang lebih perlahan serta permintaan global yang stabil terhadap minyak sayuran dijangka terus mengimbangi harga MSM. Daya saing harga minyak sawit dijangka kekal kukuh berikutan aktiviti penambahan stok bermusim di pasaran utama seperti India, Timur Tengah dan China.

Segmen Huluian akan terus memperkukuhkan inisiatif kecemerlangan operasi bagi meningkatkan kualiti dan jumlah keseluruhan hasil minyak. Segmen Hiliran pula akan terus memberi tumpuan dalam memanfaatkan rantai bekalan bersepadu untuk memastikan operasi yang anjal dan responsif kepada permintaan pelanggan. Kumpulan juga akan terus membina aliran pendapatan mampan dengan membina kerjasama strategik dalam segmen Pembangunan Perindustrian serta Tenaga Boleh Diperbaharui.

Tertakluk kepada keadaan luar jangka, Kumpulan menjangkakan prestasi yang memuaskan bagi FY2026.

DIVIDEN:

Kumpulan mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 10.35 sen sesaham. Dengan dividen interim sebanyak 7.75 sen sesaham, jumlah keseluruhan dividen seperingkat bagi FY2025 adalah sebanyak 18.10 sen sesaham (FY2024: 16.36 sen sesaham). Ini merupakan peningkatan jumlah dividen sebanyak 1.74 sen sesaham berbanding FY2024.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak **RM40.11 bilion (USD10.16 bilion)** setakat 25 Februari 2026, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com

Atau Hubungi:

- **Michael Murty, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-326 8373 | E-mel: michael.murty@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-337 6160 | E-mel: azneal.azam@sdguthrie.com